



Mengekang perlakuan rasuah bukan politik dendam - PM

Oleh Mohd Nasarudin Parzi dan Mahani Ishak - Januari 6, 2023 @ 9:51pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, pembanteras rasuah dalam pentadbirannya akan turut membabitkan 'jerung' dengan beliau sendiri menyerahkan kebebasan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja.

Pada masa sama, Perdana Menteri menolak andaian tindakan membanteras rasuah itu adalah amalan politik dendam sebaliknya ia adalah sebahagian agenda reformasi yang diperjuangkannya selama ini.

Beliau juga menolak andaian tindakan membanteras rasuah hanya bertumpu kepada 'ikan bilis' kerana menyifatkan sudah ada 'jerung' yang dikenakan tindakan.

"Saya memberikan SPRM kelonggaran sepenuhnya dan wewangnya (kuasa), sedikit sebanyak sudah banyak (kes) terbongkar.

"Saya tidak mahu mengulasnya setiap kali, pihak penguatkuasaan diberikan kuasa, malah saya setiap minggu berpesan, saya tidak masuk campur jika seseorang disiasat (SPRM).

"Amalan pemunggaan kekayaan negara yang agak memualkan, kita ada pengalaman orang besar, ditangkap dan ini membuktikan tindakan tidak hanya tertumpu kepada ikan bilis," katanya.

Beliau berkata demikian pada Naratif Khas terbitan disiarkan secara langsung di RTM malam ini.

"(Siasatan) kes Jana Wibawa, Menara KL, pemunggaan kekayaan, saya akan pastikan ada tindakan pengajaran pada masa lalu dan sekarang," katanya.

"Memang ada orang yang takut disiasat. Tetapi apabila berbicara tata kelola, saya beri arahan yang jelas, apa (kes) yang berlaku, terus ada tuduhan (mahkamah), ambil tindakan.

"Soalnya kalau ada bukti yang jelas, ambil tindakan jangan peduli tohmahan, kerana ada puak (yang) guna agama, Islam, yang mengaitkan ada dendam.

"Tetapi negara ini rosak, tiada upaya bangkit semula, kalau kita kumpul (kekayaan), rumahnya (rakyat) separuh robek, apa makna kepada rakyat, tetapi ada pemimpin bersenang lenang memungga kekayaan negara," katanya.